

SUMBANGAN TERUS DITERIMA

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 September. - Dalam sama-sama menangani dan membendung penularan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan menerima sumbangan daripada pelbagai pihak, di negara ini, sebagai Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility - CSR) dan sumbangan peribadi daripada pihak-pihak penderma dalam membantu pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pada hari ini, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin

menerima sumbangan cek BND50,000, yang disumbangkan daripada Medetech Sdn. Bhd.

Kementerian Kesihatan juga menerima beberapa sumbangan, pada 13 September 2021 daripada penderma-penderma, terdiri daripada Perusahaan Sinaran Gemilang S/B; Simpor Pharma Sdn. Bhd.; Embassy of Indonesia; R & T Electronic Enterprise; Little Bloom Daycare; HM Family (Persendirian); dan Petir Management Service.

Dalam pada itu, orang ramai yang ingin membuat sebarang sumbangan, bolehlah berhubung terus bersama MOH Emergency Operation Centre (MOHEOC) menerusi talian +673 7295712, pada waktu bekerja sahaja.

Sukarelawan Belia terima PPE sumbangan Bank Baiduri



SUMBANGAN diterima oleh Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (tengah).

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Baiduri

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 September. - Sebagai tanda sokongan dan penghargaan terhadap sukarelawan, di bawah Sukarelawan Belia COVID-19, Bank Baiduri menyampaikan sumbangan Peralatan Pelindung Diri (Personal Protective Equipment - PPE), terdiri daripada 2,000 sungup muka; 2,000 sarung tangan; 1,000 pelitup muka; dan 100 botol pensanitasi tangan.

Sumbangan tersebut adalah sebagai sebahagian daripada usaha Bank Baiduri untuk membantu negara ini mengekang penularan COVID-19.

Majlis penyerahan diadakan di Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan Perniagaan) Bank Baiduri, Pengiran Azaleen bin Pengiran Haji Mustapha.

Hadir untuk menerima sumbangan PPE, Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

Sukarelawan Belia COVID-19 merupakan badan sukarelawan yang ditubuhkan pada tahun 2020 untuk membantu Pusat Operasi Kecemasan Kementerian Kesihatan, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan dan barisan hadapan semasa COVID-19.

Bercakap mengenai inisiatif tersebut, Pengiran Azaleen berkata, "Dalam masa yang mencabar ini, lebih ramai sukarelawan diperlukan daripada biasanya untuk membantu kerajaan menyampaikan bantuan, dalam bentuk tenaga, akibat kesan yang disebabkan oleh pandemik ini kepada masyarakat kita. Kami berharap dapat menyokong sukarelawan ini atas jasa mereka dengan memberikan sumbangan PPE ini".

Turut hadir pada penyerahan sumbangan tersebut, Pegawai Tugas-Tugas Khas (Gred I), Awang Haji Mohd. Rosfazilah Haji Yusly sebagai Pegawai Operasi Sukarelawan Belia COVID-19, KKBS; dan Eksekutif Komunikasi Korporat (Komuniti dan Komunikasi), Bank Baiduri, Awang Muiz bin DP Haji Adnan.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai Bank Baiduri, sila kunjungi www.baiduri.com atau ikuti akaun media sosial Bank atau hubungi Talian Bantuan Pelanggan 24 jam menerusi +673 2449666.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan menerima sumbangan cek BND50,000 yang disumbangkan daripada Medetech Sdn. Bhd. (atas kiri), manakala gambar atas, sumbangan turut dihulurkan oleh Embassy of Indonesia.

Penandatanganan MoU ke arah perkembangan syiar Islam merata dunia



MAJLIS Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Jamiah Ashrafia Lahore, Pakistan ditandatangani oleh Rektor UNISSA dan Canselor Jamiah Ashrafia, Hafiz Fazal Ur-Rahim, yang diadakan secara dalam talian.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 September. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) terus giat berusaha menjalinkan jaringan hubungan kerjasama strategik bersama Institusi Pengajian Tinggi luar secara dalam talian meskipun situasi pandemik COVID-19 sedang melanda dunia ketika ini.

Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara UNISSA dan Jamiah Ashrafia Lahore, Pakistan, diadakan pada hari ini, secara dalam talian melalui aplikasi Zoom.

Menandatangi bagi pihak UNISSA, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal, manakala bagi pihak Jamiah Ashrafia Lahore, Pakistan ditandatangani oleh Canselor Jamiah Ashrafia, Hafiz Fazal Ur-Rahim.

Penandatanganan MoU tersebut disaksikan sama oleh Mantan Pakar Perundangan Islam, yang pernah berkhidmat di Negara Brunei Darussalam sejak tahun 1988, iaitu Profesor Dato Seri Laila Jasa Prof. Dr. Anwarullah.

Acara dimulakan dengan

bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, dibacakan oleh wakil setiap institusi masing-masing. Mewakili pihak UNISSA bagi pembacaan Al-Quran, disampaikan oleh Mahasiswa daripada Fakulti Teknologi Islam, UNISSA, Awang Muhammad Firdaus bin Haji Sait dan mewakili pihak Jamiah Ashrafia, Muhammad Saeed Ahmad Anayatullah.

Dalam ucapan alu-aluan Canselor Jamiah Ashrafia mengongsikan, tentang penubuhan awal universiti berkenaan, yang merupakan institusi pendidikan Islam tertua, terletak di Lahore, Republik Pakistan.

Mula ditubuhkan pada September 1947 dan diasaskan oleh Maulana Mufti Muhammad Hassan sejurus selepas kemerdekaan Pakistan. Sejak penubuhannya, ia menjadi pusat pendidikan Islam yang utama di Pakistan, yang mementingkan pendidikan dengan semangat dakwah dan nilai-nilai Islam.

Sehubungan itu, pihak Jamiah Ashrafia melihat adanya keserasian bersama UNISSA,

dalam pengukuhkan agama Islam dan berharap MoU yang termeterai ini merupakan platform untuk memperkembangkan syiar Islam, di merata dunia.

Sementara itu, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal dalam ucapan hormat beliau, mengucapkan terima kasih atas kepercayaan dan kesudian pihak Jamiah Ashrafia untuk menjalinkan hubungan kerjasama dengan UNISSA.

Dengan termeterainya Penandatanganan MoU di antara kedua universiti ini akan berpeluang mencapai tujuan ke arah perancangan-perancangan kolaborasi yang bermanfaat, seperti aktiviti dan program penyelidikan, pengajaran dan pendidikan ilmiah, pertukaran pelajar juga penerbitan bahan-bahan ilmiah daripada tenaga profesional UNISSA dan Jamiah Ashrafia.

Turut hadir menyaksikan penandatanganan MOU ini, Wakil Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Islamabad, Pemangku Timbalan Rektor UNISSA, Penolong-penolong Rektor UNISSA, Pegawai-pegawai Utama juga perwakilan daripada Jamiah Ashrafia.

Turut hadir menyaksikan penandatanganan MOU ini, Wakil Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Islamabad, Pemangku Timbalan Rektor UNISSA, Penolong-penolong Rektor UNISSA, Pegawai-pegawai Utama juga perwakilan daripada Jamiah Ashrafia.